

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM.PB/100-6/4/1( 34 )

19 Mei 2011

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 03/2011**

**Semua Pengurus Bahagian**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PINDAAN BERKENAAN KADAR TAMBANG GANTIAN BAGI BENGKEL / MESYUARAT ATAU AKTIVITI / PROGRAM PELAJAR DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN ANJURAN UNIVERSITI ATAU PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN KELAYAKAN KELAS TEMPAT DUDUK PENERBANGAN DALAM NEGARA BAGI PEGAWAI BERGRED UTAMA/KHAS C DAN KE ATAS, PEGAWAI BERGRED 54 YANG BERTARAF DEKAN SERTA AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF UNIVERSITI**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menyatakan bahawa terdapat pindaan bagi **Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010, Garis Panduan Tambahan Bagi Perbelanjaan Berhemah** mengenai kadar tambang gantian bagi bengkel / mesyuarat atau aktiviti / program pelajar dan program-program lain anjuran Universiti atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan kelayakan kelas tempat duduk penerbangan dalam negara (**Para 2.3.2 & Para 2.4.1**).

1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 2/2011 telah memperakukan pindaan berkenaan perkara di atas.

**2. PINDAAN KADAR TAMBANG GANTIAN BAGI BENGKEL / MESYUARAT ATAU AKTIVITI / PROGRAM PELAJAR DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN ANJURAN UNIVERSITI ATAU PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN KELAYAKAN KELAS TEMPAT DUDUK PENERBANGAN DALAM NEGARA**

**2.1 KADAR TAMBANG GANTIAN BAGI BENGKEL / MESYUARAT ATAU AKTIVITI / PROGRAM PELAJAR DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN ANJURAN UNIVERSITI ATAU PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Kiraan tambang gantian sedia ada dipinda dari 30 sen/km kepada 40 sen/km bagi jarak perjalanan 500 km yang pertama. Kadar tambang gantian bagi jarak perjalanan yang selanjutnya adalah seperti di **Lampiran 1**. Penganjur atau Urusetia perlu membuat tempahan kenderaan dengan Unit Kenderaan dan sekiranya kenderaan disediakan, tambang gantian tidak layak dituntut walaupun staf membawa kenderaan sendiri. Sekiranya kenderaan tiada dan staf membawa kenderaan sendiri, mereka layak menuntut tambang gantian mengikut kadar yang dinyatakan di atas.

**2.2 KELAYAKAN KELAS TEMPAT DUDUK PENERBANGAN DALAM NEGARA**

Tiket penerbangan dalam negara bagi pegawai Bergred Utama/Khas C dan ke atas, pegawai Bergred 54 yang bertaraf dekan serta Ahli Jawatankuasa Eksekutif Universiti diberikan kelayakan Kelas *Business*.

### 3. KUATKUASA SURAT PEKELILING

Butiran lain dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tidak berubah. Surat pekeling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

07-4537050

- s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Ketua Audit Dalam

**LAMPIRAN 1**

**KADAR TAMBANG GANTIAN**

<b>JARAK PERJALANAN</b>	<b>SEN / KM</b>
<b>500 km pertama</b>	<b>40</b>
<b>501 – 1,000 km</b>	<b>35</b>
<b>1,001 – 1,700 km</b>	<b>30</b>
<b>1,701 km dan seterusnya</b>	<b>25</b>